

# Bijak rebut peluang


**IKON METRO**

Oleh NUR NADIA HAFIZA  
JAMALUDDIN  
am@mediaprime.com.my

**U**mpama menyelam sambil minum air, begitulah Madiyah Amirah Mohd Roshdy yang berbakat dalam bidang peragaan namun bijak merebut peluang dengan mengembangkan dua perniagaan, termasuk milik keluarganya, secara serentak.

Anak kelahiran Selangor ini yang semakin menempa nama dalam bidang peragaan pakaian Muslimah juga bijak menguruskan masa antara kerjaya sebagai model dan perniagaan makanan ke peringkat tertinggi.

Madiyah tersenarai dalam kedudukan tiga teratas menerusi program Pencarian Gadis Sunsilk baru-baru ini berkata, walaupun sibuk dengan pelbagai tugas, termasuk menjadi peragawati sambilan di beberapa butik pakaian, dia tetap meneruskan perniagaan diamanahkan keluarganya.

"Sejak menyertai program televisyen itu, rezeki saya semakin bertambah, malah tidak berhenti menerima tawaran memperagakan pakaian Muslimah daripada pelbagai agensi dan butik pakaian."

"Saya tidak mudah melatah untuk menerima semua

tawaran itu bagi mengaut keuntungan dan mengejar populariti semata-mata.

"Saya hanya menerima beberapa tawaran yang bersesuaian dengan masa selain menitikberatkan kriteria sebagai Muslimah, bagi membolehkan saya me luangkan sedikit masa untuk menguruskan perniagaan keluarga," katanya.

Madiyah berkata, impian utamanya adalah menjadi peragawati Muslimah ke peringkat antarabangsa, namun sebagai anak sulung selain men-

jadi harapan keluarga, dia mahu memastikan perniagaan tradisi keluarganya dimajukan terlebih dulu.

"Saya utamakan impian keluarga terlebih dulu berbanding cita-cita. Jadi, saya perlu bijak mengatur langkah bagi menjayakan kedua-duanya."

"Saya terbabit dalam dua bidang pada satu-satu masa bukan kerana tamak, sebaliknya menggalas tugas sebagai anak yang menjadi harapan ibu bapa untuk turut memajukan perniagaan tradisi ini memandangkan adik-beradik lain masih kecil."

"Pada masa sama, saya mahu meneruskan kerjaya sebagai peragawati bagi memberi kepuasan kepada diri sendiri dan mencapai cita-cita diimpikan sejak kecil," katanya.

## Profil



**NAMA:** Madiyah Amirah Mohd Roshdy  
**UMUR:** 24 Tahun  
**ASAL:** Banting, Selangor  
**TARIKH LAHIR:** 18 November 1989  
**KETURUNAN:** Melayu  
**AGAMA:** Islam  
**BERAT:** 49 kilogram  
**TINGGI:** 170 sentimeter  
**HOBII:** Menari  
**PENDIDIKAN:** Sarjana Muda Ekonomi Industri, Universiti Malaysia Sarawak  
**CITA-CITA:** Peragawati Muslimah dan usahawan

